

Jenis Akhbar : *Harian Metro Online*
Tarikh : *17/04/2020*
Edisi / Muka Surat : www.hmetro.com.my
Tajuk : *ANGKASA serah 1,800 cermin mata keselamatan*

Angkasa serah 1,800 cermin mata keselamatan



ABDUL Fattah (dua dari kanan) menyerahkan sumbangan kepada Jabatan Kesihatan Negeri Selangor. FOTO ihsan Angkasa.

Yusmizal Dolah Aling
yusmizal@hmetro.com.my

ANGKATAN Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menyerahkan 1,800 cermin mata keselamatan yang dapat dikitar guna kepada petugas barisan hadapan dalam usaha menangani wabak Covid-19.

Ia khusus untuk kegunaan petugas barisan hadapan yang berdepan dengan risiko jangkitan ketika menjalankan tugas.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, ia disumbangkan syarikat bersekutu kepada anak syarikat Angkasa iaitu MyANGKASA Optical Sdn Bhd sebagai satu penghargaan kepada petugas yang mempertaruhkan nyawa, mengorbankan masa serta tenaga bagi memastikan kesihatan awam terjamin.

“Angkasa sebagai badan Apeks Gerakan Koperasi Negara bersedia berganding bahu bersama mana-mana pihak melalui pelbagai usaha membantu kerajaan memerangi pandemik Covid-19 selaras dengan Prinsip Koperasi Ketujuh iaitu berprihatin terhadap masyarakat.

“Bagi warga koperasi yang ingin menyumbang boleh berbuat demikian melalui Tabung Sumbangan Covid-19 Koperasi Prihatin ke akaun 8600445433 CIMB Islamic Bank di atas nama Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad,” katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur, hari ini.

Artikel ini disiarkan pada : *Jumaat, 17 April 2020 @ 5:01 PM*